

BAHASA, BUDAYA & WARISAN KITA

MASURI S.N. *Nurani berseri kemanusiaan*

Sasterawan terulung hasil lebih 1,000 puisi perjuang kesedaran sosial tentang kehidupan, masyarakat

Masuri S.N., penyair tanah air yang terulung adalah di antara barisan sasterawan yang mengharumkan taman sastra Melayu Singapura.

Beliau ialah penyair yang ungkapanannya berseri kemanusiaan, langgamnya berinti ke-Melayuan dan kepeduliannya berteraskan kemasyarakatan.

Karya beliau berjumlah puluhan yang diterbitkan, dengan puisi sahaja lebih daripada seribu kuntum.

Bukan sahaja di dalam negeri, nama beliau harum merata serantau.

Masuri Bin Salikun dilahirkan pada 11 Jun 1927 dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu di Telok Kurau dan Geylang.

Beliau meninggalkan dunia pada 6 Disember 2005, pada usia 78 tahun.

Beliau menulis pada usia muda, dengan puisi pertamanya 'Ros Kupuja' and 'Sakura' diterbitkan di *Berita Malai* pada 1944, sewaktu Pendudukan Jepun.

Selepas Perang, beliau melanjutkan pendidikan di Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) di Tanjung Malim, Perak.

Beliau memasuki bidang pendidikan dari 1949 sehingga bersara pada 1981.

Beliau pernah mengajar Bahasa dan Sastra di Sekolah Menengah Sang Nila Utama apabila ia dibuka pada 1961.

Pada 1984, beliau dilantik sebagai Felo Penyelidik di Institut Pengajian Asia Tenggara (Iseas).

Pada 1986, beliau menyertai program penulisan di University of Iowa.

Di Jabatan Pengajian Melayu Universiti Nasional Singapura (NUS), beliau diundang sebagai Penulis Tamu pada 1991 hingga 1992.

SITC menganugerahkan kepada Masuri ijazah Doktor Kehormat pada 2002 sebagai pengiktirafan sumbangan dan kecermelangan Masuri dalam dunia kesusasteraan.

Beberapa kalungan anugerah juga telah beliau raih.

Pada 1980, beliau dianugerah 'SEA Write Award' dan pada 1995 Anugerah Tun Seri Lanang disandanginya.

Masuri berbakat dalam kepenyairan, namun juga menulis dengan tekun bentuk esei, cerpen dan drama. Senarai Panjang karyanya jelas membuktikan kesungguhan beliau menulis yang umumnya diterbitkan di Singapura dan sebilangannya di Malaysia.

Apabila Angkatan Sasterawan'50 (Asas'50) ditubuhkan, Masuri adalah antara anggota atau pendiri awal.

Pendirian 'Sastera Untuk Masyarakat' yang terancang sangat dengan semangat pengkaryaan beliau.

Ini bermaksud sastera harus digerakkan untuk kemajuan masyarakat, menyuntik kesedaran politik, ekonomi dan sosial, serta dapat mengangkat derajat dan maruah bangsa.

Pastinya juga menerusi sastra, akan tumbuh penguatan bahasa, cinta budaya dan penjiwaan seni.

Sastera yang berpasak kemanusiaan akan menumbuhkan raih sastra itu sendiri, sedangkan masyarakat pembaca boleh diperkuat kepekaan dan kepedulian terhadap kehidupan.

Itulah yang boleh disebut sebagai penyuburan nurani. Dengan karya sasteralah menyuburkan nurani menjadi wadah yang terpenting.

Di tangan Masuri, ilham penanya kuat beralun dengan pesan, ajakan, renungan, seruan dan pastinya kritikan.

Makanya para penulis, harus terlebih dahulu punya ketajaman sosial, tegap berdiri dengan prinsip, gagasan nilai yang tersentuh ajaran agama yang universal, kepekaan budaya dan masyarakat secara utuh.

Dengan bakat penulisan yang matang, maka sang penulis dapat menyumbang cemerlang dalam taman sastra masyarakatnya.

Sebagai seorang penyair, Masuri menyakini peri penting ketukangan yang mengasah bait-bait puisinya setelah ia direnung kupas, ditimbang sukat sebakinya.

Perjalanan mencipta puisi baginya sekaligus adalah wadah perjalanan mencari makna dalam memberi pengertian kepada kehidupannya, termasuk juga orang-orang di sekelilingnya.

Dalam puisi *Aku Bukan Pengembara*, beliau menyedari hakikat keterbatasan beliau sebagai manusia: "*kekuranganku kuakui kemanusiaanku kubersihkan jalan inilah menjadi tujuanku sehingga selesai usiaku diberkat kembali kepada-Mu.*"

Dalam puisi *Menyendiri*, beliau mengibaratkan pengalaman untuk bertafakur dalam mencari secebis makna kehidupan yang maha luas ini:

"*mencari ketenangan dalam diam ke mana melarikan diri ke puncak nafas dan denyut-denyut nadi masihkan mencari kebahagiaan penuh tersedia untuk insan yang kenal diri tidak menyelongkar yang tidak-tidak tidak menggali yang tajam tajam.*"

Kepastian beliau "untuk bertafakur ke liang kabur" adalah contoh bagaimana wadah puisi dimanfaatkan beliau untuk memikirkan makna kehidupan ini, lantas buah fikiran dan renungan dalam puisi yang tercipta itu menjadi landasan untuk khalayak sama-sama merenungkannya.

Sebagai seorang penyair yang telah menempuh beberapa zaman (kolonial British, Jepun, Malaysia dan Peripahan), beliau meraih pelbagai pengalaman dan pendedahan, serta terus memperkukuh ketukangan dalam penulisannya.

Zaman beliau ditandakan dengan semangat kebangsaan yang menderu.

Sastera juga menjadi medan persaingan ideologi, sehingga banyak yang menumpah semangat kebangsaan ke dalam karya masing-masing.

Namun Masuri sebagai seorang penyair mapan ber-



Masuri Salikun atau dikenali sebagai Masuri S.N. seorang sasterawan negara telah memenangi beberapa anugerah untuk karyanya, termasuk 'SEA Write Award' pada 1980 dan Tun Seri Lanang pada 1995. - Foto fail

quo dalam zaman yang dihidirinya; yakni ketika ia melihat golongan yang kurang bernasib baik itu kurang disuarai dalam masyarakatnya, serta dirasakan pula tersebut kelihatan dalam keadaan tertekan atau tertindas."

Tambah beliau, "seorang sasterawan sejati yang bertanggungjawab terhadap hasil-hasil penulisannya akan sentiasa mewajahkan seorang yang 'melawan zamannya.'"

Tetapi dengan berkata begini, bukanlah bermakna seseorang sasterawan itu sengaja 'bersastera-sasteraan' dengan menulis perkara yang murung dan negatif. Jelasnya, ia tidaklah menulis sebeb-bebasnya, segeram-geramnya sehingga *to have neither a sense of direction nor a sense [of] moral responsibility* (tidak mempunyai hala tuju mahupun rasa tanggungjawab moral).

Sasterawan sejati lazimnya tidak akan dengan angkuhnya, meluahkan *personal rage*-nya (kemarahan peribadi) sebagai ganti tanggungjawab terhadap masyarakatnya.

Ternyata Masuri tidak tersendat dengan tradisionalisme budaya, atau kecenderungan yang eksklusivis.

Sebaliknya beliau memperlihatkan jiwa merakay, tidak pula sampai menjadi populis.

Di saat beliau bersifat kebangsaan ia tidak pernah mengabaikan keserantau.

Masuri memperlihatkan kemampuan memahami perubahan sosial dan konteks semasa yang memerlukan jawaban terkini.

Dapat pula kita kesani tiga dimensi kemanusiaan yang menggerakkan pemikirannya.

Pertama, keakraban beliau dan rasa empati kepada masyarakat Melayu, khasnya kelompok yang tertinggal dalam arus pertumbuhan ekonomi Singapura yang semakin rancak.

Kedua, sikap keberpihakan beliau kepada kelompok yang terlemah, tersenyap dan terabai.

Ketiga, suara dan nilai komitmen beliau sebagai intelektual yang yakin akan peranan sumber ilmu dan budaya yang dapat mencerah dan membangun masyarakat.

Ilham pena Masuri, walaupun menggalas perkara-perkara serius dalam masyarakat, terungkap dalam tenag.

Tidak pula bernada amukan dan berlantangan. Termaklum juga di era politik sewaktu beliau menulis, pemantauan politik masih kuat sehingga beliau harus hati-hati dalam menyuarakan pendapatnya.

Masuri penulis paling konsisten dan tegap berdiri

KETUKANGAN BERNKARYA

Dalam berkarya, ketukangan sastra itu menurutnya memiliki tiga ciri: (a) bahawa sang penulis itu harus mengetahui sejarah sastra dalam budaya tradisi kesusasteraan bangsanya; (b) menyedari dan memahami alam persekitarannya sehingga dapat ia memberi makna disebalik yang tersurat dan berlaku dalam kehidupan sehari-hari; dan (c) bakat yang mempengaruhi karya sang penulis yang sememangnya harus dipupuk dan dibangunkan.

Makanya sentuhan berpuitika dan perasaan berserta bakat yang selalu diasah, bagi Masuri adalah asas yang perlu ada, selain tentunya kepedulian intelektual dan pertanggungjawaban sosial sang penulis/penyair terhadap bangsanya.

TUGAS SASTERAWAN SEJATI

Masuri ialah seorang penulis yang berpolifilik. Beliau juga aktif dalam menyampaikan kertas kerja dan ceramah.

Sebagai guru sastra, beliau banyak menghasilkan buku kajian sastra, serta esei renungan dan kajian.

Puisi-puisi beliau bukanlah cetusan penyair awang-awangan yang tidak membumi di alam nyata.

Beliau menyakini penuh bahawa para penulis punya tanggungjawab menjadi jurucakap untuk masyarakat dan zamannya.

Tegas beliau, sasterawan sejati itu, "memiliki semangat tidak ingin bersegera menyentujui, sikap 'menyesuaikan dirinya dengan keadaan sekitarnya...' berani menemui cabaran dan bersikap mengatasi status



DR AZHAR IBRAHIM

Penulis ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura (NUS). Beliau juga Naib Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura, selain Ketua Perwakilan Mastera, Singapura. Dr Azhar antara panel penulis yang diundang khas Berita Minggu (BM) untuk mengupas isu bahasa, budaya dan warisan.

dengan gagasan sasteranya.

Di saat beberapa yang terkesan dengan arus kebangkitan keagamaan semenjak 1970-an, Masuri tidak pernah mudah terpegun dengan laungan itu dan ini, kerana baginya tugas asasi bagi sastra ialah terus menghidupkan api kemanusiaan.

Kemanusiaan itu, walaupun sudah sekian lama terpakai, harus dipertajam dan disesuaikan penggunaan dan pemahamannya.

Dalam puisi *Kemanusiaan*, beliau merenung:

"*Kemanusiaan bicaramu bicaraku berlain tempat tegak arah yang ditarah mata memainkan makna dan lidah kita bertemu dalam keraguan letaknya kebenaran dan kepalsuan kita masih belum-belum juga berbeza tafsir dan pandangan bila meletakkan keputusan tentang manusia dan kemanusiaan.*"

Kemanusiaan yang beliau kibarkan pastinya kemanusiaan yang berpegang dengan ajaran agama yang universal.

Namun Masuri jarang mengungkapkan karyanya dengan rambu dan istilah Islami.

Ini kerana kemanusiaan yang beliau pegang itu sudah terangkul universalisme Islam yang beliau yakini.

Itulah yang menggerakkan beliau untuk menyuarakan keprihatinan terhadap yang lemah dan terlan-tar, yang dihimpit dan dikerdil.

YANG SAKTI ITU BAKTI DAN PEDULI

Beliau bertegas bahawa usaha berkarya beliau itu adalah suatu perjuangan, iaitu, "*my struggle is to penetrate through writing the irrationalities which have crushed in the thinking of our people. In a struggle, we should pioneer new thoughts. We should search for ideas which improve the conditions of our society.*" (Perjuangan saya adalah untuk menembusi melalui penulisan, ketidakrasionalan yang telah menghancurkan pemikiran rakyat kita. Dalam perjuangan, kita harus mempelopori pemikiran baru. Kita harus mencari idea yang memperbaiki keadaan masyarakat kita.)

Rasa kemanusiaan beliau dipertegas: "Saya tidak berprejudis terhadap mana-mana kelompok manusia. Kebaikan dan kejahatan tidak mengenal bangsa."

Itulah kekuatan moral-etika Masuri. Kekuatan utama yang ada dalam kepenyairan Masuri ialah sikap tidak putus harapan untuk terus berkeyakinan pada kemanusiaan guna menjadi teras utama dalam karya beliau.

Kepercayaan kepada potensi manusia dan harapan ke arah kebaikan dan pemulihan adalah segi hikmah profetik yang terdapat dalam pemikiran penyair.

Masuri sendiri pernah bertegas:

"*Siapa rela siapa nanti pergi Sedang kawah panas dengan air membus ganas Siapa berani siapa nanti sanggup bermain api Yang menyambar membakar menjilat apa yang melintas*

Lihat semua sikap tidak gentar dibuai godaan Dengan membawa obor seribu sinar harapan."

Untuk menghasilkan sastra yang bermakna, diperlukan, "pemahaman dan kedalaman intelektual".

Idea kemanusiaan subur di tangan Masuri. Beliau menyeru agar penulis hari ini tidak putus harapan. Persediaan dan tekad besar harus ada.

Kepedulian pada tradisi, sejarah dan masyarakat adalah antara asas untuk membangun sastra dan kemanusiaan.

Kesanggupan kita membangun masa depan, bererti membaca tradisi dengan lebih kritis serta kreatif dan beliau sendiri menyebutnya, "pedih-pedih ukuran sekarang di dalam merombak tradisi usang".

Begitulah Masuri jajah penyair yang insani, peduli dan banyak berbakti.

Beliau ialah antara barisan penulis yang tersenarai dalam projek Tokoh Melayu Singapura (*Prominent Malays of Singapore*) sebuah usaha pendokumentasian atas talian, kelolaan Perpustakaan Negara (NLB), dengan Jabatan Pengajian Melayu NUS, *Berita Hari-an* dan Majlis Bahasa Melayu Singapura.